

# > Sikap penting diri sendiri

**K**UALA LUMPUR: Sikap mementingkan diri sendiri menyebabkan golongan remaja tidak mahu menerima teguran individu yang prihatin dengan kesalahan dilakukan mereka malah sanggup bertindak agresif terhadap pihak berkenaan.

Pensyarah Kaunseling Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), Profesor Madya Dr Sapura Sipon berkata, sifat melawan itu memang ada pada sesetengah remaja apabila dinasihati pihak lain walaupun lebih tua daripada mereka.

“Sebenarnya kita tidak boleh meletakkan kesalahan sepenuhnya ke atas mereka kerana ada kemungkinan mereka terikut-ikut dengan pengaruh tertentu sehingga terlalu mementingkan diri sendiri dan tidak boleh menerima nasihat,” katanya ketika dihubungi semalam.



## SAPORA...remaja sifat melawan

Beliau berkata demikian bagi mengulas laporan muka depan Harian Metro semalam mengenai rumah imam dan dua ahli jawatankuasa (AJK) Surau At-Taufiqiah di flat 16 tingkat di Sungai Besi di sini, dibakar awal pagi kelmarin, dipercayai perbuatan khianat individu yang kurang senang dengan tindakan mereka aktif melakukan usaha

membanteras maksiat di kawasan itu.

Dalam kejadian kira-kira jam 4.30 pagi itu, individu terbabit dipercayai membakar kawasan luar rumah imam berkenaan di tingkat bawah sebelum membakar rumah dua lagi AJK surau berkenaan di tingkat satu dan sembilan.

Kejadian itu menyebabkan seluruh flat berkenaan terputus bekalan air berikutan paip PVC utama di tingkat sembilan yang menyambungkan bekalan ke rumah penghuni turut dibakar sehingga menyebabkan limpahan air.

Dr Sapura berkata, walaupun kejadian itu dipercayai mempunyai kaitan dengan golongan remaja yang tidak puas hati dengan teguran AJK surau, ia sepatutnya lebih menguatkan semangat mereka untuk memperbetulkan akhlak penduduk di situ.